



SEKRETARIAT AKHBAR
PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

KENYATAAN MEDIA
09 MEI 2008
JAWATANKUASA SELCAT BERSEDIA MENANGANI ISU SALAH
GUNA KUASA DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

Kerajaan negeri Selangor dengan ini, sekali lagi menggesa pihak pengadu dalam kes rasuah yang membabitkan seorang pegawai kanan di Pejabat Menteri Besar Selangor seperti yang dilaporkan minggu lepas supaya tampil segera menghubungi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, YB Teng Chang Khim.

YB Teng Chang Khim selaku pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT), boleh memanggil jawatankuasa itu bersidang sebaik sahaja pengadu memberi maklumat yang diperlukan.

Jawatankuasa SELCAT ditubuhkan oleh DUN Selangor bagi memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan negeri dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan negeri Selangor.

Suka cita dimaklumkan, mengikut Jadual A, Artikel 77, Undang-undang Tubuh Negeri pengadu-pengadu boleh diberi kekebalan daripada tindakan undang-undang jikalau terbukti aduan itu tidak berasas kelak.

Kerajaan negeri percaya SELCAT akan membantu pengadu-pengadu mencapai keadilan yang diminta sedangkan pihak BPR mungkin mengambil masa yang lebih lama sepertimana yang terjadi sebelum ini.

Jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh lapan orang ahli, iaitu YB Haniza Mohd Talha (Taman Medan), YB Mohamed Azmin Ali (Bukit Antarabangsa), YB Shaari Sungib (Hulu Kelang) dan YB Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing) daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Pakatan Rakyat manakala daripada pihak pembangkang pula ialah YB Sulaiman Abdul Razak (Permatang) dan YB Ismail Sani (Dusun Tua).

Sekretariat Akhbar

Pejabat Menteri Besar Selangor.